

Siri An-Naim (57)

---



# DADAH DAN PENYELESAIANNYA MENURUT PANDANGAN ISLAM

---



*Disusun oleh:*

**Ustaz Abdullah bin Man**

Bahagian Penyelidikan dan Dakwah (1987)

*Disunting oleh:*

**Ustaz Nik Mohd Nizam bin Mohd Nasir**

*Penyelaras Penerbitan:*

**Ustaz Mushariza Rizuan bin Mustapha**



*Dikeluarkan oleh:*

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan**

Cetakan Pertama : 1987

Cetakan Kedua : 1991

Cetakan Edisi Baharu : 2022

*Diterbit & Diedar Oleh:*

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN**

Kompleks Islam Darulnaim, Jalan Sultan Yahya Petra,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-744 3633 Faks : 09-744 6685

Portal Rasmi : [www.jaheaik@kelantan.my](http://www.jaheaik@kelantan.my)

E-mel : [jaheaik@kelantan.gov.my](mailto:jaheaik@kelantan.gov.my)

*Reka Bentuk Kulit, Rekaletak Isi & Uruscetak:*

**UNI PRESS**

Lot 104, Jalan Pencawang TNB Lundang  
Off Jalan Sultan Yahya Petra,  
15150 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-743 4924 Faks : 09-743 4925

E-mel : [unipress79@gmail.com](mailto:unipress79@gmail.com)

---

### **HAK CIPTA TERPELIHARA**

Tidak dibenarkan mengulang cetak, mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

## KANDUNGAN

<b>1. Dadah Dan Penyelesaiannya Menurut Pandangan Islam</b>	<b>1</b>
- Pengertian Dadah	
- Jenis-Jenis Dadah	
- Antara faktor dan dorongan sebahagian besar remaja dan belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah	
<b>2. Akibat Menyalahgunakan Dadah</b>	<b>4</b>
<b>3. Fatwa Ulama Islam Terhadap Pengharaman Dadah</b>	<b>7</b>
<b>4. Fatwa Rasmi Mengenai Dadah Dan Penyelesaiannya</b>	<b>9</b>
<b>5. Pendapat Ulama' Sesuai Dengan Hukum</b>	<b>9</b>
<b>6. Beberapa Faktor Dapat Membantu Menyelesaikan Masalah Dadah</b>	<b>11</b>
<b>7. Tindakan Pemulihan</b>	<b>17</b>



# DADAH DAN PENYELESAIANNYA MENURUT PANDANGAN ISLAM

## PENGERTIAN DADAH

Bahasa Arab mendefinisikan dadah sebagai al-mukhaddarat berasal dari perkataan mukhaddara iaitu benda-benda yang boleh menyebabkan hilangnya pertimbangan dan kewarasan seperti ganja, heroin, morfin dan sebagainya. Berdasarkan kajian para ulama dan ahli perubatan Islam, penggunaan dadah mempunyai kesan yang sama iaitu sama dengan kesan meminum arak kerana boleh memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Didalam kitab Kamus al Marbawi, pengertian al-mukhaddarat ini sebagai benda-benda yang memabukkan dan boleh menghilangkan kewarasan akal (Al-Marbawi 1998). Ianya adalah bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ خَمْرٍ حَرَامٌ.

Maksudnya: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak itu adalah haram. (*Riwayat Muslim*)

**Dadah dapat dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya ialah :**

### 1. Halusinogen

Contoh : Ketamin, halluceno, Iysergic acid, phenlyclidine



## 2. Depresen

Contoh : methaqualone, tranquliser dan rahypnol.



## 3. Kanabis

Contoh : ganja, hanish dan marijuana



## 4. Psikotropit

Contoh : syabu, ice, batu kristal, kaca diamond dan ecstasy



## 5. Stimulant

Contoh : daun koka, paste koka, kokain freebase dan crack kokain



## 6. Opiat

Contoh : candu, morfin dan heroin



**Antara faktor dan dorongan sebahagian besar remaja dan belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah seperti berikut :**

1. Keinginan untuk mengetahui tentang dadah dan seterusnya ingin mencuba.
2. Tidak mengetahui dengan sebenarnya bahawa itu adalah dadah.
3. Pengaruh rakan-rakan sebaya.

4. Mencari ketenteraman jiwa kerana terlibat pelbagai masalah hidup.
5. Melupakan sesuatu kesusahan yang sedang ditanggung.

## **AKIBAT MENYALAHGUNAKAN DADAH**

Kesan buruk ketagihan dadah berbeza dari seseorang individu dengan individu yang lain, secara umumnya kesan dadah adalah seperti berikut:

### **1. AKIBAT KEPADA TABIAT DAN KELAKUAN**

1. Pandai menipu.
2. Mencuri, menyamun, merompak untuk mendapatkan wang membeli dadah.
3. Mengasingkan diri dari masyarakat dan hanya bergaul dengan kumpulan penagih dadah sahaja.
4. Tidak mahu mengakui penglibatan dalam penagihan dadah.
5. Penagih-penagih dadah mempengaruhi sahabat handai untuk menjadi penagih dadah.

### **2. AKIBAT KEPADA KESIHATAN**

1. Melemahkan tenaga dan menjadi malas.
2. Boleh melemahkan tenaga batin sehingga tidak dapat dipulihkan semula



(walaupun pada peringkat permulaan, tenaga batin agak bertambah)

3. Kemungkinan menjadi mandul di kalangan wanita .
4. Merosakkan fikiran, menjadi tidak siuman.
5. Menyebabkan pitam, pengsan atau tidak sedarkan diri .
6. Menyebabkan penyakit pedih hati dan sakit perut.
7. Menimbulkan perasaan untuk bertindak ganas yang boleh menghilangkan maruah.
8. Membawa ketagih yang berlebihan untuk menenangkan jiwa dan jika tidak dapat dadah yang dikehendaki akan melibatkan kerosakan jiwa dan tenaga fizikal.
9. Membawa maut kerana menggunakan dadah yang berlebihan.

### **3. AKIBAT KEPADA KELUARGA, MASYARAKAT, EKONOMI DAN KESELAMATAN NEGARA**

#### **1. Akibat kepada keluarga :**

- i. Rumah tangga akan jadi porak peranda, perpisahan dan perceraian diantara ahli keluarga.
- ii. Harta benda akan berkurangan atau terus habis.
- iii. Menjatuhkan maruah dan mencemar nama baik keluarga.
- iv. Harapan keluarga tidak dapat dipenuhi.

## **2. Akibat terhadap masyarakat:**

- i. Kejadian jenayah seperti mencuri, merompak dan membunuh.
- ii. Menimbulkan persengketaan dan perselisihan faham antara satu keluarga dengan satu keluarga lain.
- iii. Melemahkan perpaduan, pembangunan kemajuan masyarakat.
- iv. Menjejaskan kesopanan dan kesusilaan.
- v. Membebankan dari segi pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan.

## **3. Akibat terhadap ekonomi:**

- i. Menyebabkan kemiskinan keluarga menjadi bertambah miskin.
- ii. Merosakkan ekonomi dibidang perniagaan dan perusahaan.
- iii. Melemahkan jentera-jentera pentadbiran kerajaan.
- iv. Mengurangkan pengeluaran hasil bumi, hasil pertanian dan hasil perusahaan.
- v. Keseluruhan ekonomi negara akan terjejas.

## **4. Akibat terhadap keselamatan negara.**

- i. Melemahkan tenaga rakyat dan ini akan memberi peluang kepada musuh negara.
- ii. Melemahkan jentera-jentera kerajaan dan juga kekuatan pasukan keselamatan untuk mempertahankan negara.

- iii. Menggalakkan perbuatan rasuah yang boleh menjejaskan keselamatan negara.
- iv. Menggalakan anasir subversif.

## FATWA ULAMA ISLAM TERHADAP PENGHARAMAN DADAH

Syeikh al-Azhar, Mahmud Syaltut dalam karyanya al-Fatawa menyatakan bahawa ulama fekah telah bersepakat tentang pengharaman dadah kerana memberi kesan buruk kepada manusia, persekitaran dan keturunan. Beliau turut membawakan pandangan Ibn Qayyim yang mengatakan bahawa termasuk dalam hukum pengharaman arak itu adalah semua benda yang memabukkan. Oleh itu, semua jenis dadah seperti ganja, heroin dan seumpama dengannya adalah diharamkan oleh Islam kerana diqiaskan dengan perkara memabukkan (Mahmud Syaltut, 2004).

Begitu juga Prof Dr Syeikh Yusuf al-Qaradhawi, semua jenis dadah seperti ganja, kokain, heroin dan sebagainya lagi mempunyai pengaruh dan kesan buruk terhadap diri dan masyarakat. Pengharaman dadah telah disepakati oleh ulama fekah sejak zaman dahulu yang mana mereka menamakan sebagai al-khabaith (dadah). Menurut beliau lagi, Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa ganja adalah haram sama ada memabukkan ataupun tidak dan hanya digunakan oleh orang jahat sahaja sedangkan orang baik tidak menggunakannya (Al-Qaradhawi, 2007).

Menurut Prof Dr Syeikh Wahbah al-Zuhaili (Al-Zuhaili, 2007) dalam karyanya al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, diharamkan semua jenis dadah seperti ganja, heroin dan lain-lain lagi kerana memberi mudharat kepada badan dan akal. Beliau melihat pengharaman dadah ini adalah bertepatan sebagaimana kata Ibnu Hajar didalam kitabnya Fathul Bari bahawa Ibnu Mas'ud mengatakan:

## عن ابن مسعودٍ تحريم المسكرِ قليلاً وكثيره

Maksudnya: Setiap yang memabukkan adalah haram sama ada ianya banyak atau sedikit.

Kesimpulannya pengharaman dadah dilihat kepada semua benda yang memabukkan adalah haram di sisi Islam, termasuklah semua jenis dadah sama ada dadah jenis baharu atau sebagainya. Ini kerana, penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan kesan buruk dan mudarat yang amat besar kepada penagih. Banyak dalil-dalil yang menunjukkan tentang pengharaman dadah melalui kaedah qias terhadap pengharaman arak. Bahkan ianya juga bukan setakat mendatangkan merosakkan kepada individu penagih itu, malah ianya merangkumi kerosakan kepada agama, bangsa dan negara memandangkan mereka merupakan aset berharga kepada masyarakat.

Menyedari hakikat masalah dadah yang kian rumit dan kompleks ini, kerjasama antara orang ramai dengan pihak berkuasa kerajaan adalah sangat diharapkan bagi mengatasi permasalahan umat kita ini. Semua lapisan masyarakat mempunyai peranannya yang tersendiri untuk dimainkan dalam mendidik anggota masyarakat tentang bahayanya najis dadah. Jika perkara ini dapat difahami, ia akan memberikan natijah bahawa permasalahan dadah ini bakal menemui penghujungnya.

## FATWA RASMI MENGENAI DADAH DAN PENYELESAIANNYA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 ([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)) turut membincangkan hukum penyalahgunaan dadah jenis syabu dan jenis-jenis dadah baharu

yang lain dan telah memutuskan bahawa:

1. Dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baharu yang lain mempunyai kesan mudarat yang sama seperti ecstasy, katamine dan Gamma Hydroxybutyric Acid (GHB).
2. Oleh itu, penyalahgunaan dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baharu yang lain adalah haram dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan.

## PENDAPAT ULAMA' SESUAI DENGAN HUKUM

### 1. HARAM MENGENAI DADAH

Penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan orang yang melakukannya itu lupa diri, agama dan lupa dunia kerana ia memberi kesan buruk kepada akal, melemahkan tenaga berfikir dan kecerdasan, mengakibatkan penyakit urat saraf serta boleh mengganggu kesihatan mental dan fizikal.

Bagi penagih yang sudah berkeluarga, dadah boleh meruntuhkan kebahagiaan rumah tangga, boleh menyebabkan berlakunya perceraian dan memporak-perandakan kebahagiaan keluarga, mereka lupa tanggungjawab

terhadap isteri dan anak-anak yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Rumah tangga yang sempurna dan bahagia akan musnah di mana anak-anak yang belum mengerti apa-apa akan turut menderita. Mereka akan disingkirkan dan disisihkan oleh keluarga dan orang yang disayangi.

Dadah juga boleh menghabiskan wang dan harta. Penagihan dadah boleh menyebabkan penagih kehilangan pekerjaan dan akhirnya sanggup melakukan apa saja jenis jenayah seperti mencuri dan membunuh asalkan ketagihannya dapat dipenuhi.

Didalam Agama Islam pengikutnya sama sekali tidak dibenarkan mengambil sesuatu yang dapat merosakkan dirinya, akal dan masyarakat.

Manusia adalah milik Allah yang telah menjadikan hidup, kesihatan, harta kerana demi menjaga amanah Allah. Sebagai hambanya, maka hendaklah manusia menilai betapa pentingnya akal yang dianugerahkan tuhan dan dengan dia dapat berfikir dan membezakan diantara yang baik dan yang buruk.

Dalam Al-Quran Allah SWT berfirman;

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Ertinya: Dan janganlah kamu mencampakkan diri-diri kamu kepada kebinasaan. (Surah Al-Baqarah: ayat 195).

Firmannya lagi:

﴿لَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

Ertinya: Janganlah kamu membunuh diri-diri kamu kerana sesungguhnya Allah maha balas kasihan kepada mu.

( Surah An-nisa': ayat 29 ).

Rasulullah SAW pernah bersabda:

﴿ لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ ﴾

Ertinya: Tidak ada mudharat dan tidak boleh memudharatkan.

*(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)*

Oleh yang demikian, tidak syak lagi bahawa dadah boleh merosakkan tubuh badan manusia, akal, keturunan dan lain-lain lagi. Maka tetaplh para ulama' meletakkan hukum ke atas orang-orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

## **BEBERAPA FAKTOR DAPAT MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH DADAH**

### **1. MELALUI AGAMA**

Sesungguhnya Allah SWT menciptakan manusia ini dengan sebaik baik kejadian dengan mengurniakan akal dan fikiran supaya dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan sempurna dan teratur. Islam amat menitikberatkan penjagaan akal yang merupakan anugerah Allah SWT yang tidak boleh dipersia-siakan. Akal perlu disuburkan dengan ilmu pengetahuan. Tetapi akal yang diisi dengan ilmu pengetahuan sahaja tidak mencukupi tanpa di pandu dengan ketakwaan, kerana ketakwaan sahaja yang dapat menghalang manusia dari menyalahgunakan ilmu yang ada padanya ke jalan yang membawa kebinasaan.

## 1.1. FUNGSI AGAMA DALAM KEHIDUPAN:

Manusia hidup perlu kepada agama kerana agama yang benar dapat membawa kebahagiaan hidup. Bila manusia menolak agama atau menyimpang dari ajaran agama dan bukan disebabkan oleh kebenaran agama tersebut, maka manusia itu akan lumpuh laksana sebatang pokok yang mana tunjangnya buruk. Maka manusia seperti itu akan membawa kecelakaan terhadap dirinya dan juga orang lain seperti pokok tadi jika tuannya ingin menggantikan dengan tanaman lain maka terpaksa ianya mempersisih semua dan membakar tempat itu supaya kuman-kuman yang berada di situ tidak dapat mengganggu tanamannya. Begitu juga halnya dengan manusia, kebahagiaan hidup manusia dapat dicapai melalui beberapa fungsi:

1. Memberi bimbingan dalam hidup.
2. Menolong dalam menghadapi kesukaran.
3. Menenteramkan hati.

Islam sebagai agama berisi tuntutan yang lengkap yang mengatur hubungan manusia dengan tuhan, sesama manusia, mahupun diri sendiri. Tuntutan itu semuanya telah termaktub didalam Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia.

Firman Allah dalam An-Naml : ayat 1-2 :

﴿ تِلْكَ آيَاتُ الْقُرْآنِ وَكِتَابٍ مُّبِينٍ هُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴾

Maksudnya: Ini adalah ayat-ayat Al-Quran ( ayat-ayat) kitab yang menjelaskan petunjuk dan berita gembira untuk orang-orang beriman.

( Surah An-Naml: ayat 1-2 ).



Petunjuk yang diberikan oleh Islam tidak ada satu pun mengandung pertentangan dengan fitrah manusia. Oleh kerana itu, setiap penyimpangan yang dilakukan oleh manusia dari petunjuk itu pada dasarnya membawa manusia keluar dari landasan kemanusiaannya dan petunjuk itu tidak akan menghantar manusia kepada kebahagiaan tanpa merealisasikannya (melahirkan amalan) ke dalam kehidupan nyata. Oleh kerana itu, pengakuan kepada petunjuk itu pasti disertai dengan realisasinya. Realisasi petunjuk Allah itu akan mendatangkan kebahagiaan, sepertimana firman Allah dalam surah Ar-Ra'd : ayat 29.

﴿ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحَسُنَ مَا أَتٰهُمُ ﴾

Ertinya : Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bagi mereka kebahagiaan dan tempat kembali yang baik.

## 1.2. MANUSIA HIDUP ADA MEMPUNYAI MASALAH

Hidup manusia selalu berhadapan dengan masalah. Masalah terlalu berat dapat menimbulkan kesukaran, dan kesukaran ini bila tidak dapat diselesaikan biasanya menyebabkan manusia itu berputus asa sedangkan Allah SWT melarang hamba-hambanya dari berputus asa.

Ajaran Islam memberi petunjuk untuk melepaskan diri dari kesukaran hidup ini. Kehidupan manusia dipandang oleh Islam hanya untuk berbakti kepada Maha Pencipta (Allah). Kesulitan dalam hidup merupakan suatu ujian dari perjuangan untuk menjalankan fungsi kemanusiaan, kesulitan mahu pun kesenangan pada kaca mata Islam. Kedua-duanya adalah sama iaitu sebagai penguji keimanan seseorang.

Firman Allah dalam surah Al-Insyirah ; ayat 6-7.

﴿ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ﴾

Ertinya : Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, maka apabila kamu telah selesai (dari suatu urusan) kerjakanlah dengan bersungguh-sungguh (urusan) yang lain.

Ayat di atas memberi kandungan makna berisi dorongan agar setiap orang melakukan kerja keras disertai niat untuk mengabdikan kepada Allah, pasti dapat mengeluarkan manusia dari kesukaran hidupnya.

Kepada manusia yang berputus asa dan kegelisahan, tidak ada jalan lain kecuali kepada ajaran agama jika ia ingin mencapai kebahagiaan hakiki, kembali kepada ajaran agama bererti kembali mengingati Allah.

Firman Allah dalam surah Al-Ra'd : ayat 28.

﴿ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴾

Ertinya: Ingatlah hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram. (Surah Al-Ra'd: ayat 28).

## 2 . PERANAN UTAMA DARI IBU BAPA

Ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mendidik , mengasuh dan menjaga anak-anak. Ibu bapa yang akan mewarnakan anak-anak mereka sama ada anak akan menerima cara hidup orang Yahudi, Kristian atau lain-lain agama. Ibu bapa akan berhadapan dengan Allah SWT di akhirat, seterusnya ibu bapa akan disoal oleh Allah mengenai anak-anak mereka. Oleh kerana ibu bapa yang sanggup untuk memikul amanah yang diberi oleh Allah, ibu bapa harus tahu bahawa

mereka adalah seorang pemimpin dan juga seorang pendidik. Maka ia perlu memberi didikan dengan sebaik-baiknya. Untuk itu, perlu ibu bapa mengajar anak-anak mereka menunaikan sembahyang semasa ia masih kecil lagi. Dengan ibadat sembahyang sahaja anak-anak akan menjadi manusia yang baik hidup di dunia dan akhirat. Kita lihat ramai di kalangan anak-anak muda kita yang terjebak dengan masalah penggunaan dadah terdiri dari golongan mereka yang tidak menghayati cara hidup beribadat dan dari golongan mereka yang tidak dipedulikan oleh orang tuanya yang tidak menyuruh anak-anak mereka bersembahyang, tidak memukul anak-anak mereka yang meninggalkan sembahyang lantaran cuainya ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka, maka anak-anak itu mengambil kesempatan melalui kawan-kawan mereka atau orang-orang lain untuk memasuki alam baru dengan menghisap dadah. Di sini ingin ditegaskan bahawa peranan ibu bapa adalah penting supaya anak-anak mereka betul-betul faham dan mengerti apa itu dunia dan apa itu akhirat.

Saidina Ali pernah berkata: *Barang siapa mengumpulkan padanya enam perkara, nescaya ia tidak meninggalkan mencari syurga dan ia akan lari dari neraka iaitu:*

1. Ia mengenal Allah lalu mentaatinya.
2. Ia mengenal syaitan lalu menghindarkannya.
3. Ia mengenal kebenaran lalu mengikutnya.
4. Ia mengenal yang batil lalu menjaga diri daripadanya.
5. Ia mengenal dunia lalu menolaknya.
6. Ia mengenal akhirat lalu mencarinya.

Itulah diantara kata-kata Saidina Ali Radiyallahu Anhu. Mudah-mudahan, sama-sama kita beramal dengannya terutama sekali kaum ibu bapa.

### 3 . PERANAN ULAMA'

Sabda Rasulullah SAW :

﴿ العلماءُ وَرَثَةُ الأنبياءِ ﴾

Ertinya : Ulama' ialah warisan para Anbia" ( *Riwayat Tirmizi dan Abu Daud*)

Ulama' ialah tempat pergantungan, tempat meminta nasihat, selain daripada itu, alim ulama' juga hendaklah berdakwah menyeru dan mengajak manusia membuat baik dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Oleh itu peranan asatizah dalam masalah memerangi penyakit dadah patut ambil berat oleh kerana penyakit ini sudah pun merebak dan dirasai oleh kalangan belia-belia kita maka amat mustahak bagi alim ulama' bangun dan menentang habis-habisan. Kalau boleh diadakan suatu majlis secara besar-besaran bagi memerangi penyakit itu. Jika para ulama' sedar betapa bahayanya dadah terhadap manusia , Insya Allah penyakit ini akan hilang.

## TINDAKAN PEMULIHAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ketagihan dadah adalah merupakan tabiat yang amat sukar diubahi. Oleh itu usaha-usaha pemulihan haruslah berasaskan kepada pemulihan rohani dan jasmani.

Sebenarnya ketagih dadah itu berpunca dari akibat kekosongan jiwa oleh kerana apabila seseorang itu kosong jiwanya, dia akan jatuh ke lembah yang tidak diingini seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Untuk itu, tindakan yang paling berkesan bagi pemulihan penagih-penagih dadah itu hendaklah berorientasikan kepada roh Islam iaitu:

1. Diorientasikan pemikirannya dengan berlandaskan akidah Islam. Menanamkan iman dan ruh dua kalimah syahadah ke dalam jiwanya.
2. Mengadakan beberapa aktiviti berikut :
  - i. Bersembahyang berjemaah
  - ii. Amalan zikir dan membaca doa
  - iii. Qiamullail
  - iv. Memberi kursus-kursus agama supaya mereka benar-benar faham ajaran agama. Sabda Nabi SAW :

Ertinya : Sesiapa yang berkehendakkan Allah beroleh kebaikan, nescaya diberi ia memahami ajaran-ajaran agama.

Dengan cara ini, Insya Allah penagih-penagih dadah akan dapat sembuh dari penyakitnya.

Firman Allah didalam Al-Quran:

﴿وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ﴾

Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. (*Surah Al-Isra : ayat 82*)

Secara tidak langsung, ayat ini mendorong orang mukmin untuk mencari dan mengkaji ayat-ayat tertentu dalam al-Quran yang dianggap mempunyai daya kekuatan penyembuh.

Firman Allah SWT:

﴿لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ﴾

Ertinya : Kalau sekiranya kami menurunkan Al-Quran ini kepada suatu gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan takut kepada Allah. (*Surah al-Hasyr : ayat 21*).

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah itu tidak lain hanya membawa kepada kesengsaraan dan kebinasaan. Bagi penagih yang telah insaf dan telah berjaya mengikuti rawatan dan pemulihan, maka hendaklah berusaha untuk menjauhinya dan bertekad untuk melupakannya dan tidak mendekatinya lagi.

Tetapi apa yang mendukacitakan, masih terdapat sebilangan mereka yang mengulangi perbuatan penyalahgunaan dadah itu walaupun telah dipulihkan beberapa kali. Jika kita renung kepada maksud hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Setiap penyakit ada ubatnya”. Ini bermakna penyakit penyalahgunaan dadah juga mempunyai ubatnya, tetapi memerlukan usaha

yang gigih daripada semua pihak dalam mempelbagaikan kaedah dan aktiviti yang serasi dengan penyakit ini. Sebagai contoh memberikan bimbingan yang baik, iaitu sentiasa mengerjakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala laranganNya dan memberikan sokongan yang padu dalam membina kehidupan baru yang baik dan sempurna serta mendampingi diri dengan masjid.

Oleh itu, marilah kita kembali mengamalkan ajaran al-Quran. Mudah-mudahan kita berada didalam kandungan rahmat dari Allah SWT.

***Disemak oleh:***

Sohibul Fadilah Dato' Haji Hasbullah bin Haji Mat Hasan

Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan (1987)

# Catatan